


Teknik Membina Carta Pai

- Carta pai ialah perwakilan data dengan menggunakan luas sektor-sektor dalam sebuah bulatan.
- Dalam sebuah carta pai, satu bulatan dibahagikan kepada sektor-sektor berlainan mengikut kuantiti setiap data, susunan mestilah mengikut jumlah paling tinggi kepada yang terendah.
- Contohnya, rajah dibawah ialah satu carta pai yang menunjukkan bilangan murid tingkatan 3 mengikut kelas.

Bilangan murid tingkatan 3 mengikut kelas bagi tahun 2020



JUMLAH KESELURUHAN: 40 MURID

- Bagi membina sebuah carta pai, satu bulatan dibahagikan kepada sektor-sektor berlainan mengikut kuantiti setiap data.
- Misalnya, setiap sektor dalam carta pai di atas adalah sepadan dengan bilangan murid, peratus dan saiz sudut setiap sektor.

Langkah-langkah di bawah menunjukkan cara untuk membina carta pai

LANGKAH 1

KIRA SAIZ SUDUT BAGI SETIAP SEKTOR

$$\text{SAIZ SUDUT} = \frac{\text{KUANTITI}}{\text{JUMLAH KESELURUHAN}} \times 360^\circ$$

ATAU

$$\text{SAIZ SUDUT} = \frac{\text{PERATUS}}{100} \times 360$$

LANGKAH 2

- Lukis sebuah bulatan dan bahagikan bulatan tersebut kepada sektor-sektor mengikut saiz sudut yang dikira.

LANGKAH 3

- Labelkan carta pai tersebut dengan tajuk yang sesuai, petunjuk bagi setiap sektor dan jumlah keseluruhan.

CONTOH

KELAS	BILANGAN MURID	PERATUS (100%)	SAIZ SUDUT
MELUR	12	$\frac{12}{40} \times 100 = 30$	$\frac{30}{100} \times 360 = 108$
MELATI	9	$\frac{9}{40} \times 100 = 22.5$	$\frac{22.5}{100} \times 360 = 81$
MELIA	11	$\frac{11}{40} \times 100 = 27.5$	$\frac{27.5}{100} \times 360 = 99$
KENANGA	8	$\frac{8}{40} \times 100 = 20$	$\frac{20}{100} \times 360 = 72$
JUMLAH	40	100	360

